

Headline	<b>Larian obor Sukan Paralimpiad bermula</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>30. Apr 2008</b>	Page No	<b>26</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>242 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Sukan</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



# Larian obor Sukan Paralimpiad bermula

Oleh Wan Jailani Razak

**L**ARIAN Obor sempena Sukan Paralimpiad ke-14 bermula di Dewan Hamzah, Klang, semalam dengan peserta membawa obor menuju perkampungan sukan Stadium Nasional Bukit Jalil untuk majlis pembukaan rasmi sukan itu pada 3 Mei ini.

Larian itu disertai atlit kurang upaya yang akan menyertai Sukan Paralimpiad mulai 3 sehingga 9 Mei ini, dengan obor terakhir akan diserahkan oleh pelajar kurang upaya dari Sek-

olah Menengah Kebangsaan Bandar Sri Damansara, Mohamad Haziq Samrat, 13.

Semalam, peserta larian singgah di Dataran Shah Alam untuk menyerahkan obor kepada Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mokhtar Hani, sebelum meneruskan larian ke Dataran Pejabat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Dataran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Peserta menyambung larian, hari ini dari Dataran MPSJ ke Pintu Gerbang Darul Ehsan dan berhenti re-

hat di Brickfields sebelum menuju Menara Kuala Lumpur.

Larian diteruskan Jumat ini bermula dari Menara Kuala Lumpur ke Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, seterusnya pada Sabtu, peserta berlari ke Universiti Putra Malaysia dan berakhir di Stadium Nasional Bukit Jalil, kira-kira jam 4 petang, hari sama.

Paralimpiad Malaysia adalah kejohanan sukan dwitahunan peringkat kebangsaan yang diadakan khusus untuk atlit paralimpik.



**MERIAH:** Atlit olahraga paralimpik negara, Law King Hew menyerahkan obor kepada Mokhtar (kanan) sembaik menamatkan larian di Dataran Shah Alam, semalam.